



KERAJAAN MALAYSIA

IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk Projek Naik Taraf Dewan Bedah Kedua Hospital Alor Gajah, Melaka.

2. Keterangan Am Kerja

Lokasi tapak bina terletak di Dewan Bedah dan sebahagian tapak di dalam kawasan Hospital Alor Gajah, Melaka.

Skop kerja bagi projek ini merangkumi kerja-kerja yang berikut:-

i) **Kerja-Kerja Awalan**

- a) Pemasangan *hoarding*, papan tanda pembinaan dan *temporary access*.
- b) Kerja-kerja penyiasatan tanah, pemetaan utiliti dan *survey plan*.
- c) Kerja-kerja *site clearance* termasuk kerja menebang pokok.
- d) Mengemukakan permohonan untuk kelulusan Naik Taraf Dewan Bedah Kedua kepada pihak berwajib seperti Pihak Berkusa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta agensi-agensi lain yang berkaitan.

ii) **Arkitek**

- a) Menaik taraf Dewan Bedah 2 dan bilik-bilik berkaitan seperti *Wash Up Room*, *Sterile Preparation*, *Induction Room*, *Scrub Room 1* dan *2*, *Sterile Preparation* dan *Wash Up Room* serta Bilik *Air Handling Unit* (AHU) termasuk kerja-kerja mengecat.
- b) Menaik taraf kemasan Dewan Bedah 2 bagi mematuhi peraturan perlindungan radiasi iaitu pemasangan *barrium plaster*, pintu *lead-line*, *plaster ceiling*, serta kerja-kerja membekal dan menyembur *PU foam* di siling.
- c) Menaik taraf kemasan Dewan Bedah 1.
- d) Kerja-kerja memasang *built in furniture* dan pemasangan papan tanda.
- e) Kerja-kerja melaras semula lantai dan pemasangan *self-levelelling epoxy* atau *polyurethane (PU) resin* bagi kemasan lantai.
- f) Pembinaan *Plant Room*, *Canopy Genset Plant* dan *Chiller Plant*.
- g) Kerja-kerja pemasangan pagar jenis *British Reinforced Concrete (BRC)* dan penanaman rumput.
- h) Kerja-kerja membaik pulih di semua lokasi yang terjejas akibat kerja-kerja memecah dinding, siling, lantai, cerun dan kerja-kerja lain yang berkaitan.
- i) Kerja-kerja pengujian dan pentalualahan pemasangan.

iii) **Sivil dan Struktur**

- a) Kerja-kerja tanah termasuk menyediakan asas dan *plinth*.
- b) Kerja-kerja pemasangan longkang perimeter dan *floor trap*.
- c) Kerja-kerja pembinaan dan pemasangan tangki sedut termasuk kerja-kerja pengalihan *incoming water supply* serta kerja-kerja lain yang berkaitan.
- d) Kerja-kerja pengujian dan pentalualahan pemasangan.

iv) **Mekanikal**

- a) Pemasangan baru *Heating Ventilation and Air Conditioning* (HVAC) termasuk pemasangan *ductwork* serta kerja-kerja lain berkaitan.
- b) Pemasangan baru *Medical Gas Pipeline System* (MGPS) termasuk pemasangan *bedhead panel* serta kerja-kerja lain berkaitan.
- c) Pemasangan baru *Building Automation System* (BAS) serta kerja-kerja lain berkaitan.
- d) Kerja-kerja penyambungan paip air dalam.
- e) Naik taraf dan integrasi sistem *fire fighting* sedia ada serta pemasangan *smoke detector*.
- f) Membekalkan *portable fire extinguisher*.
- g) Kerja-kerja pengujian dan pentalualahan sistem mekanikal.

v) **Elektrikal**

- a) Pemasangan *submain cable* dari *Main Switch Board* (MSB).
- b) Naik taraf *Breaker* serta naik taraf pendawaian elektrik.
- c) Pemasangan baru *Isolated Power Supply* (IPS), *Public Address* (PA) System, *OT panel*, *Nurse Call System*, *Master Clock System*, *Intercom System* serta sistem-sistem lain yang berkaitan.
- d) Mengintegrasikan sistem *Information and Communications Technology* (ICT) / *telecommunication* sedia ada.
- e) Pemasangan baru *generator set*.
- f) Membekalkan *temporary power supply*.
- g) Kerja-kerja pengujian dan pentalualahan sistem elektrik.

vi) **Membekal, memasang dan mengujilari peralatan perubatan seperti *OT table*, *OT light*, *OT pendant* serta aksesori-aksesori lain yang berkaitan bagi memenuhi keperluan Dewan Bedah 2 untuk beroperasi**

Kerja dijangka akan dimulakan pada bulan November tahun 2023 dan tempoh penyiapan adalah 18 bulan.

3. Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut: -

i) **Pendaftaran Kontraktor**

- a) Jenis Syarikat – T1 (Syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan)
- b) Mempunyai pendaftaran seperti berikut:-
 - i) Pendaftaran yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor

(PPK), dan

- ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred G7, Kategori B Pengkhususan B28 (Kerja-Kerja Ubahsuai), B29 (Kerja Bangunan Kesihatan), Kategori M Pengkhususan M01 (Sistem Hawa Dingin dan Pengedaran Udara) dan M06 (Sistem Peralatan Perubatan) atau;
 - iii) Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dalam Kelas A, Kepala II (*Building Works*) dan Sub-Kepala 5 (*Repainting/ Repair/ Maintenance of Low-Rise Building, Demolition (not exceeding 4 storeys), Other Related Works*), Kepala V (*Mechanical Works and Other Specialist Works*) dan Sub-Kepala 3 (*Air-Conditioning: Installation, Repair & Maintenance*) atau;
 - iv) Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam Kelas A Tajuk II (Kerja-Kerja Bangunan), Tajuk III (Kerja-kerja Kejuruteraan Mekanikal, Pembersihan dan Air) dan Tajuk Kecil 1 (Sistem Penyamanan Udara dan Pengalihudara).
- c) Bertaraf Bumiputera berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) / Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
 - d) Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB/ PUKONSA/ UPKJ/ BPKU **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini.
 - e) Setiap pendaftaran seperti di perenggan b (i), (ii), (iii), (iv) dan (c) di atas hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra Kelayakan.

ii) **Keupayaan Kontraktor**

a) **Keupayaan Kewangan**

Mempunyai *nett worth* melebihi **RM 1,638,000.00** atau Modal Pusingan (*Working Capital*) melebihi **RM 819,000.00** atau Modal Mudah Cair melebihi **RM245,700.00**.

b) **Keupayaan Teknikal**

- Kriteria Kontraktor yang dipilih hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja (NTKK) tertinggi yang telah disiapkan. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja ***Serupa** yang telah dilaksanakan dengan jaya dalam tempoh 5 tahun lepas/kebelakang hendaklah melebih 30% dari Nilai Tahunan Bebanan Kerja (NTBK) iaitu sebanyak **RM 2,457,000.00** (30% X NTBK).
- Kontraktor hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu serupa atau sebanding dengan skop kerja di dalam tempoh lima (5)_tahun lalu serta berpengalaman sebagai Kontraktor Utama dan melaksana dan menyiapkan projek kerajaan. Namun begitu, bagi kerja-kerja pakar, pengalaman sebagai sub-kontraktor bagi projek Kerajaan boleh diambil kira.
- Kontraktor tidak mempunyai kerja semasa yang '**sakit**' serta bebas daripada rekod prestasi yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyiapan projek serta kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun lalu adalah memuaskan.
- Kontraktor yang mempunyai pengalaman dalam naik taraf di Hospital / Fasiliti Kesihatan adalah diberi keutamaan.

***Serupa – Kerja yang diliputi oleh kategori yang sama seperti kerja yang ditender (kepala/sub kepala yang sama).**

iii) **Perunding Kontraktor**

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not inhouse consultants*) seperti berikut :-

- a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- c) Berpengalaman dalam merekabentuk Dewan Bedah dan kerja-kerja menaik taraf ruang dalaman Hospital adalah diberi keutamaan.

4. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat **Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya** dari 13 Mac 2023 hingga **07 April 2023** semasa waktu pejabat.

Dokumen Pra Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran seperti di perenggan 3 (i) (b) dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran **ASAL**.

5. Harga dokumen ialah **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** senaskah dan hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia** dan dipalang 'Akaun Pembayar Sahaja'. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan

6. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut:- **Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari pada 07 April 2023**.

NOTA: PEROLEHAN INI TIDAK TERTAKLUK KEPADA OBLIGASI PERJANJIAN ANTARABANGSA/FREE TRADE AGREEMENT (FTA)